

**PEMAKLUMAN PEMBATALAN BEBERAPA PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM
(PPA) YANG TELAH DIJADUALKAN PADA **BULAN OGOS TAHUN 2021****

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk meneruskan tempoh penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun **'total lockdown'** Fasa Pertama, Urus Setia Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah bersetuju untuk membatalkan beberapa Peperiksaan Perkhidmatan Awam (PPA) yang telah dijadualkan pada bulan Ogos tahun 2021 seperti berikut:

BIL	NAMA PEPERIKSAAN	KOD	TARIKH PEPERIKSAAN	STATUS TERKINI	CATATAN
1	UJIAN IT SKILLS ASSESSMENT AND CERTIFICATION (ISAC)				
	ISAC - SIRI 6 (PUSAT PEPERIKSAAN JPA, PUTRAJAYA)	-	02.08.2021 (ISNIN)	DIBATALKAN	CALON DIMOHON UNTUK MEMBUAT PERMOHONAN SEMULA PEPERIKSAAN ISAC UNTUK SIRI PEPERIKSAAN YANG AKAN DATANG
2	PEPERIKSAAN KHAS UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19				
	BAHAGIAN A	3002A	24.08.2021 (SELASA)	DIBATALKAN	CALON DIMOHON UNTUK MEMBUAT PERMOHONAN BAGI PEPERIKSAAN TAHUN 2022
	BAHAGIAN B	3002B	25.08.2021 (RABU)		

3. Sebarang perubahan tarikh peperiksaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada saranan oleh pihak Kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19. Rujuk Jadual Peperiksaan Perkhidmatan Awam yang telah dimuatnaik di laman sesawang <http://www.kompetensi.jpa.gov.my> dan <http://isac.intan.my/isac/> untuk maklumat bagi peperiksaan-peperiksaan yang lain.

4. Segala kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

**Urus Setia Peperiksaan Perkhidmatan Awam
Sektor Penilaian Kompetensi
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia**

1 Ogos 2021